

PERANAN SOSIOLOGI DALAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR: SATU CABARAN

Nurul Hidayah Liew Abdullah¹, Jamilah Ahmad² & Suhaizal Hashim¹

¹Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional UTHM

²Fakulti Pendidikan, UTM

*Correspondence: hidayahl@uthm.edu.my

Abstrak

Sosiologi merujuk kepada bidang ilmu kajian saintifik mengenai interaksi sosial, organisasi, masyarakat, tindakan manusia dan akibatnya serta bagaimana pengaruh sosial mencorakkan kehidupan manusia. Alam sekitar pula merupakan satu elemen yang utama dalam kelangsungan hidup manusia. Kebergantungan manusia kepada alam sekitar menyebabkan langkah melestarikan alam sekitar mesti dijalankan. Oleh itu, peranan sosiologi dilihat sebagai satu medium yang penting dan perlu dilaksanakan supaya kelestarian alam sekitar dapat direalisasikan bukan sahaja untuk manfaat generasi masa kini malah untuk generasi masa akan datang. Tindakan dan corak kehidupan manusia yang semakin kompleks masa kini telah menyebabkan pelbagai kesan terhadap alam sekitar dan manusia itu sendiri. Oleh sebab manusia merupakan pengguna alam sekitar yang dominan maka kefungsian manusia terhadap alam sekitar perlu dititikberatkan agar kualiti alam sekitar dan kemapanannya dapat ditingkatkan. Kertas kerja ini merupakan ulasan tentang peranan sosiologi dalam Pendidikan Alam Sekitar (PAS). Diharapkan ulasan ini dapat membantu dalam usaha untuk melestarikan alam sekitar.

Kata kunci: *Sosiologi, Pendidikan Alam Sekitar, kelestarian, corak kehidupan, dominan*

Abstract

Sociology refers to the field of scientific research on social interactions, organizations, societies, human actions and their consequences and how social influences shape human life. Environment is also a major element in human survival. Human dependence on the environment causes environmental conservation measures to be carried out. The role of sociology is seen as an important medium and must be implemented to ensure that the sustainability of the environment can be realized not only for the benefit of the present generation but for future generations. The increasingly complex human actions and patterns of life have led to various effects on the environment and the people themselves. Therefore, human beings are the dominant environmental users then the human function of the environment needs to be emphasized in order to improve the quality of the environment and its sustainability. Hence, this paper is a review of the role of sociology in Environmental Education (PAS). It is expected that these reviews can help in order to preserve the environment.

Key words: *Sociology, Environmental Education, sustainability, life pattern, dominant*

1.0 PENGENALAN

Perancangan dalam sistem pendidikan sama ada pada peringkat prasekolah, rendah, menengah mahupun tinggi sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan dan kehendak semasa supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Dalam usaha untuk melahirkan modal insan unggul serta memberikan impak positif kepada negara maka keseimbangan akhlak dan ilmu dalam setiap jiwa pelajar perlu dipastikan seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Reformasi dan transformasi pendidikan perlu dilaksanakan dengan giat dan menggunakan strategi yang tepat supaya hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara maju dapat direalisasikan. Walau bagaimanapun, pendidikan sahaja tidak mampu untuk mencapai hasrat yang telah ditetapkan tanpa korelasi daripada faktor-faktor lain yang saling berhubung. Kemenjadian murid tidak akan terhasil sekiranya hanya sesetengah pihak yang terlibat, sebaliknya kerjasama yang jitu diperlukan daripada semua lapisan masyarakat untuk memastikan setiap keperluan fungsi dapat dipenuhi. Oleh itu, Sosiologi Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam memacu hasrat semua pihak agar kelestarian alam sekitar dapat dipastikan.

Begitu juga halnya dengan pendidikan alam sekitar (PAS) merentas kurikulum yang telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 1998. PAS merentas kurikulum dilaksanakan ekoran daripada Persidangan Stockholm mengenai Ekologi Manusia yang telah diadakan pada tahun 1972. Program ini dilihat sebagai langkah yang tepat untuk meningkatkan pengetahuan asas, kemahiran serta membina sikap positif terhadap alam sekitar. Akhirnya, pada tahun 1992 kepentingan pembangunan mapan telah difokuskan sebagai perkara penting dalam Agenda 21 (Bab 36), pada laporan Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro 1992. Justeru, resolusi yang ditetapkan dalam usaha untuk menyebarkan maklumat tentang kepentingan pembangunan mapan ialah melalui Program PAS (KPM, 1998).

Tidak dinafikan bahawa kurikulum memainkan peranan yang penting dalam memajukan sesebuah negara melalui pendidikan. Perubahan dan penambahbaikan yang sentiasa berlaku dalam kurikulum Malaysia untuk pembangunan kurikulum itu sendiri menunjukkan bahawa hasrat negara memajukan bidang pendidikan standing dengan negara-negara lain. Namun, peranan sosiologi juga perlu dititikberatkan supaya objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai di samping menjamin kelangsungan masa hadapan negara terus maju.

2.0 PERANAN SOSIOLOGI DALAM PENDIDIKAN

Sosiologi merupakan satu perspektif akademik pengkajian masyarakat mengenai sosial, masalah sosial dan institusi iaitu disiplin sains masyarakat manusia. Perbezaan pendapat tentang aras yang lebih penting selalu timbul dalam kalangan ahli sosiologi tetapi fokus utama sosiologi dalam konteks ini ialah manusia dalam masyarakat dan tindakan serta masalah yang dihadapinya. Dengan kata lain, sosiologi merupakan kajian yang sistematik terhadap pengaruh hubungan sosial ke atas tingkah laku dan sikap manusia serta cara sesuatu masyarakat mengalami perubahan. Selain itu, sosiologi juga berperanan untuk menilai manusia secara kritikal dan teliti supaya bukti yang kukuh dapat diperoleh untuk menjelaskan setiap tindakan manusia. Menurut Amir Hasan (2006), sosiologi merupakan suatu kajian yang sistematik dan saintifik tentang manusia dan interaksi sosial dalam masyarakat dari pelbagai sudut.

Pelbagai teori sosiologi telah digunakan dalam menerangkan tentang manusia, kehidupan dan persekitaran yang saling berhubung untuk mewujudkan ekosistem yang seimbang. Sosiologi juga menerangkan bahawa manusia sebagai hidupan yang hidup berkumpulan, bermasyarakat dan berkomuniti. Oleh itu, hubungan dan saling berkait antara manusia sesama manusia, manusia dan alam sekitar serta manusia dan ekosistem sangat berpengaruh. Hubungan ini juga menentukan impak masyarakat terhadap alam sekitar dan bagaimana manusia bertindak ke atasnya. Dalam konteks ini, hubungan antara masyarakat dan individu juga boleh ditentukan. Tepatlah bahawa sosiologi pendidikan berperanan untuk membantu individu-individu dan masyarakat (Amir Hasan, 2006). Oleh itu, pemahaman

terhadap masyarakat dan peningkatan terhadap tindakan masyarakat, potensi dan limitasi masyarakat dapat ditambah baik.

Ahli-ahli sosiologi juga memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan sama ada sebagai perunding, pentadbir atau pengkaji dengan tujuan untuk memantapkan pendidikan dan seterusnya melahirkan modal insan yang cemerlang. Dalam konteks ini, guru memainkan peranan penting kerana guru merupakan agen perubahan kepada murid terutamanya di sekolah dan institusi pendidikan yang lain. Sebagai agen perubahan, seseorang guru itu perlu menguasai ilmu dan disiplin sosiologi seperti interaksi, stratifikasi dan sosialisasi masyarakat supaya hasrat masyarakat dan negara dapat direalisasikan seperti yang telah ditentukan. Keadaan ini menjadi lebih penting kerana Malaysia mempunyai pelbagai kaum, bangsa dan agama yang sudah tentu mempunyai adat resam, pegangan dan kepercayaan yang berbeza.

Oleh itu, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting untuk mencapai kesepakatan dan kerjasama antara kaum dan sesama manusia. Dunia pendidikan yang luas dan tidak bersempadan menyebabkan pendidikan sebagai satu medium dan wadah yang sesuai untuk menyemai dan menyebarkan ilmu, disiplin, kemahiran dan sebagainya termasuk ilmu tentang alam sekitar. Pendidikan dan sosiologi merupakan gabungan yang baik untuk menyebarkan pendidikan alam sekitar dan seterusnya diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan alam sekitar yang jitu. Hal ini kerana fungsi sosialisasi ialah proses pembelajaran seseorang individu tentang budaya, nilai dan peranan dalam masyarakat. Jelaslah bahawa sosiologi memainkan peranan yang penting dalam pendidikan alam sekitar kerana hubungan antara manusia, alam sekitar dan ekosistem saling berkait dan menentukan tindakan manusia sebagai pengguna dominan ke atas alam sekitar.

Teori Fungsionalisme yang dipelopori oleh Herbert Spencer dan Emile Durkheim menyatakan bahawa terdapat persamaan antara masyarakat dengan organisma iaitu masing-masing memainkan peranan yang telah ditetapkan sehingga membentuk sistem sosial yang stabil. Hal ini menunjukkan bahawa setiap individu dalam sebuah masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing supaya dapat menstabilkan kehidupan secara menyeluruh. Begitu juga halnya dengan pendidikan alam sekitar, semua pihak termasuk ibu bapa, murid, guru, pentadbir, kerajaan, masyarakat dan sebagainya mempunyai peranan yang tersendiri dalam usaha untuk melestarikan persekitaran. Media massa yang semakin canggih dan telah mampu dicapai oleh hampir semua masyarakat boleh dijadikan sebagai wadah untuk menyampaikan dan menyemaikan pengetahuan tentang kepentingan alam sekitar kepada murid dan masyarakat umum. Hal ini termasuk media massa bercetak, tidak bercetak, elektronik dan bukan elektronik seperti televisyen, *Internet*, *Facebook*, *Tweeter*, *Instagram* dan aplikasi-aplikasi lain yang banyak digunakan oleh masyarakat kini. Dengan kata lain, kemajuan dan perubahan teknologi yang semakin canggih perlu diuruskan dengan bijak kerana bukan sahaja revolusi industri 4.0 yang perlu dikejar malah pembangunan insaniah dalam diri setiap masyarakat juga perlu dipupuk dan dikukuhkan. Pengukuhan insaniah dan jati diri masyarakat dapat membantu mengelakkan tingkah laku yang negatif ke atas alam sekitar. Keseimbangan kemajuan teknologi dan pembangunan modal insan dipercayai dapat melahirkan masyarakat yang bermanfaat kepada persekitaran, negara dan dunia.

2.1 PAS MERENTAS KURIKULUM

PAS merupakan satu proses pendidikan tentang alam sekitar, untuk alam sekitar dan melalui alam sekitar yang melibatkan interaksi antara manusia dengan alam sekitar serta bagaimana manusia harus mengurus alam sekitar dengan bijak. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman terhadap alam sekitar (KPM, 1998). Alam sekitar merentas kurikulum masih dikekalkan walaupun pendidikan di Malaysia

mengalami perubahan daripada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ke Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Oleh itu, diharapkan PAS merentas kurikulum dapat membantu murid memahami hubungan dan perkaitan antara semua komponen alam. Selain itu, PAS dapat membantu murid menguasai kemahiran inkuiiri dan kemahiran saintifik tentang isu-isu yang berkaitan alam sekitar dan penentuan kualiti alam sekitar. Sekali gus dapat mengambil tindakan yang wajar dalam usaha untuk meningkatkan kualiti alam sekitar dengan mengubah sikap dan tingkah laku yang positif terhadap alam sekitar. Hal ini kerana matlamat akhir PAS ialah perubahan tingkah laku atau nilai dan membina peribadi melalui hubungan atau tindak balas dengan dunia semula jadi dan memperkasakan murid untuk mengubah dunia mereka (Mappin, M & Johnson, E., 2005).

Bagi mencapai perubahan ini, KPM telah menetapkan matlamat utama PAS merentas kurikulum adalah untuk membantu masyarakat menyedari dan memahami isu-isu alam sekitar serta dapat menguasai kemahiran dan kesungguhan dalam usaha menyelesaikan isu-isu ini (KPM,1998). Selain itu, objektifnya adalah untuk mengekalkan kualiti alam sekitar secara langsung dan dapat meningkatkan kualiti kehidupan manusia dan alamnya. Maka pendidikan dilihat sebagai wadah yang paling sesuai untuk memikul tanggungjawab ini supaya masyarakat yang dibentuk lebih peka dan prihatin terhadap pelbagai isu alam sekitar dengan bekalan ilmu pengetahuan, nilai, kemahiran dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap usaha untuk bertindak sama ada secara individu atau bersama-sama ke arah menyelesaikan isu-isu alam sekitar.

Bagi mencapai usaha yang murni ini, KPM telah menetapkan objektif untuk memandu ke arah melahirkan warga alam yang lebih peka dan prihatin terhadap alam sekitar. Objektif yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Mendapat pengalaman, pengetahuan dan kefahaman asas tentang alam sekitar dan masalah-masalahnya.
- ii. Lebih sedar, peka dan prihatin terhadap alam sekitar dan masalah yang berkaitan dengannya.
- iii. Memperoleh nilai, memupuk sikap yang positif, cintai alam sekitar dan bermotivasi untuk terlibat secara aktif dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- iv. Memahami bahawa pembangunan negara harus diteruskan dengan menggunakan sumber semula jadi yang ada secara terancang.
- v. Menguasai kemahiran yang diperlukan bagi mengenal pasti masalah alam sekitar dan penyelesaiannya.
- vi. Berpeluang melibatkan diri secara aktif dalam penyelesaian alam sekitar.

Sumber: KPM, 1998.

Ilmu pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan kepada murid akan lebih berkesan jika disusuli dengan penerapan nilai-nilai murni alam sekitar yang terdiri daripada 16 nilai yang utama. Penerapan nilai murni merupakan elemen yang paling penting dalam usaha untuk meningkat kesedaran murid terhadap alam sekitar. Jika nilai murni berjaya diterapkan sepenuhnya dalam diri murid tersebut maka tidak mustahil nilai murni itu akan menjadi amalan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Malaysia. Kesannya akan mewujudkan persekitaran yang berkualiti tinggi dan seterusnya dapat melahirkan warga alam yang prihatin terhadap alam.

Strategi pembelajaran dan pengajaran (PdP) melalui pendekatan rohani dan moral dilaksanakan dengan mengambil kira bahawa murid yakin bahawa Tuhan adalah pencipta bagi semua hidupan termasuk manusia, tumbuh-tumbuhan, makhluk lain, bumi dan sumber-sumbernya. Manusia pula diberikan kelebihan akal untuk mengurus dan mentadbir sesama manusia dan alam sekitar dengan bijak. Oleh sebab PAS tidak diajar sebagai satu subjek

yang berasingan maka kandungannya dan nilai-nilai murni alam sekitar diterapkan dalam isi kandungan mata pelajaran lain yang bersesuaian mengikut tajuk dan tema.

Semakan terhadap kurikulum juga perlu dilakukan agar proses penambahbaikan dapat dilakukan bagi meningkatkan keberkesanannya pelaksanaannya. Hal ini selari dengan Dasar Alam Sekitar Negara dalam Strategi Hijau Malaysia yang menumpukan ke arah bidang pendidikan dan kesedaran antaranya menyatakan bahawa kurikulum pendidikan di semua peringkat akan dikaji semula untuk memastikan pendekatan pelbagai disiplin dalam isu-isu alam sekitar dan pembangunan (Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, 2002). Keadaan ini juga bergantung kepada usaha guru yang menyebarkan ilmu tersebut sama ada bersungguh atau sambal lewa.

Bagi mencapai hasrat tersebut maka semua pihak perlu berganding bahu berusaha sama ada melalui saluran secara teoritikal atau fizikal. Kerajaan, ibu bapa, guru, masyarakat, murid dan lain-lain memainkan peranan yang tersendiri untuk memastikan kelestarian alam sekitar terjamin. Dalam konteks ini, kenyataan dalam Teori Fungsionalisme menyatakan bahawa masyarakat umpsama organisma yang memainkan peranan masing-masing untuk mencapai sesuatu objektif sangat tepat.


Walau bagaimanapun, bukan mudah untuk memastikan semua pihak memainkan peranan seperti yang disarankan supaya dapat mencapai matlamat yang dihasratkan. Hal ini kerana masing-masing mempunyai kekangan dan tiada usaha yang ditunjukkan untuk memastikan kesedaran alam sekitar murid meningkat dan seterusnya kelestarian alam sekitar tercapai. Antara kekangan yang dihadapi oleh guru ialah terpaksa menghabiskan sukanan pelajaran dan fokus kepada murid yang menghadapi peperiksaan awam. Oleh itu, program berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar tidak dapat dijalankan secara berkala.

2.2 SOSIOLOGI DAN PAS

Dalam konteks pendidikan alam sekitar, ibu bapa memainkan peranan sebagai guru pertama anak-anak seharusnya menerapkan nilai-nilai murni berkaitan dengan alam sekitar kepada anak-anak sejak dari kecil lagi. Ilmu dan pengetahuan tentang alam sekitar secara umum perlu disemai ke dalam diri anak-anak yang masih kecil supaya dapat dijadikan sebagai panduan apabila dewasa kelak. Ilmu secara tidak formal yang disebarluaskan di rumah perlu dikukuhkan dengan ilmu dan pengetahuan secara formal di alam persekolahan. Pada peringkat ini, guru memainkan peranan yang penting dan perlu diteruskan oleh ibu bapa di rumah. Guru berperanan menyampaikan ilmu tentang alam sekitar dan ekosistem kepada murid-murid secara formal berdasarkan kurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu KPM. Masyarakat sebagai pelengkap dalam kehidupan manusia juga memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam usaha untuk menyebarkan nilai murni dan pengetahuan tentang alam sekitar kepada murid. Hal ini termasuklah menunjukkan sikap, tindakan dan teladan yang positif terhadap alam sekitar, menegur serta membimbing murid ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Media massa juga memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk melestarikan alam sekitar dengan penyebaran ilmu, berita, pendapat, luahan dan perkara-perkara berkaitan dengan alam sekitar secara meluas. Selain itu, pihak seperti pertubuhan dan persatuan sama ada kerajaan mahupun bukan kerajaan perlu berusaha untuk memastikan alam sekitar terpelihara. Jika masing-masing memainkan peranan dengan baik nescaya alam sekitar dapat dilestarikan malah kualitinya dapat ditingkatkan untuk manfaat semua pihak sama ada pada masa kini mahupun masa akan datang.

Dalam Model Awal Tingkah Laku Proalam Sekitar yang dipelopori oleh Kollmuss dan Agyeman (2002) menyatakan bahawa dengan bekalan pengetahuan sedia ada akan meningkatkan kesedaran dan keprihatinan (sikap) murid dan seterusnya diharap dapat

melahirkan insan yang mempunyai tingkah laku yang lebih positif terhadap alam sekitar. Rajah 1 menunjukkan Model Awal Tingkah Laku Proalam Sekitar yang menerangkan bahawa seseorang individu akan menggunakan pengalaman sedia ada bagi melaksanakan sesuatu tindakan yang selanjutnya.



Sumber: Kollmuss & Agyeman, (2002).

Rajah 1: Model Awal Tingkah Laku Proalam Sekitar

Model ini menjelaskan bahawa hubungan antara pengetahuan, kesedaran, keprihatinan (sikap) dan tingkah laku terhadap alam sekitar adalah linear. Menurut Kollmus dan Agyeman (2002) lagi, kesedaran alam sekitar juga dipengaruhi oleh komponen kognitif dan afektif yang merupakan gabungan dua komponen yang utama. Komponen kognitif merupakan segala perkara yang berkaitan dengan kognisi seperti proses pembelajaran, pemahaman dan pemerolehan yang terbentuk dalam pemikiran manusia serta mendorong manusia bertindak mengikut pengetahuan yang diperoleh. Pengetahuan yang diperoleh dan dikembang di institusi pendidikan seperti sekolah dipercayai dapat meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan kesedaran murid terhadap alam sekitar. Komponen afektif pula berkaitan dengan emosi atau perasaan terhadap alam sekitar yang merupakan faktor yang tidak kurang penting dalam mencorak dan membentuk kepercayaan, nilai dan sikap terhadap alam sekitar.

Selain itu, terdapat pelbagai pendekatan yang ada dalam usaha untuk menyampaikan pengetahuan PAS kepada umum khususnya murid. Pendekatan yang dipilih biasanya diperhalus berdasarkan persekitaran murid, objektif yang hendak disampaikan, pengetahuan sedia ada murid, kemudahan semasa dan beberapa faktor lain kadang-kala membawa impak besar kepada pemahaman kumpulan sasaran. Model Pendekatan Pembelajaran PAS merupakan sebuah model yang mengimplementasikan tiga elemen penting. Ketiga-tiga elemen ini merupakan komponen yang saling berkait dan perlu difahami serta diambil kira semasa membina kurikulum PAS (Palmer & Neal, 1994). KPM (1998) dan Bahagian Pendidikan Guru (2002/2003) menyatakan bahawa tiga elemen penting yang menjadi dasar atau asas perancangan kurikulum PAS itu ialah pendidikan mengenai alam sekitar, pendidikan untuk alam sekitar dan pendidikan melalui atau dalam alam sekitar itu sendiri yang merangkumi seluruh alam semesta.

Di Malaysia, PAS telah disebarluaskan dalam Pendidikan awal kanak-kanak terutamanya di prasekolah KPM dengan tujuan untuk menyemai rasa cinta dan sayang akan alam sekitar kepada kanak-kanak seawal 4 tahun. PAS diajar secara langsung dalam pendidikan formal awal kanak-kanak dengan harapan pada akhir pembelajaran bagi fokus "Saya dan Alam Sekitar", kanak-kanak dapat menghayati keindahan alam sekitar, memahami perhubungan antara manusia dan alam sekitar serta menjaga alam sekitar (KPM, 2010). Melalui fokus ini, penerapan rasa tanggungjawab paling asas dalam diri kanak-kanak terhadap alam sekitar dapat dilaksanakan. Contohnya, tidak membuang sampah merata-rata, tidak membazir sumber, mengitar semula bahan-bahan buangan dan tidak merosakkan alam sekitar seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Dalam Tunjang Sains dan Teknologi telah memfokuskan dalam penyiasatan alam hidupan bermula dari peringkat yang paling asas dengan meneroka alam sekitar menggunakan organ deria serta menjalankan penerokaan ke atas ciri, habitat, cara pergerakan

dan jenis makanan haiwan jinak (KPM, 2010). Pendedahan seawal usia ini dalam pendidikan awal Sains dapat membantu dalam menyemai rasa cinta dan sayang akan alam sekitar yang merupakan habitat semua hidupan di muka bumi ini. Akhirnya, persepsi positif kanak-kanak terhadap alam sekitar dapat dibentuk secara beransur-ansur.

Oleh itu, guru sebagai agen perubahan perlu sentiasa bertindak secara proaktif agar pengetahuan dan tingkah laku murid yang positif terhadap alam sekitar dapat direalisasikan. Guru sebagai penyampai ilmu formal di sekolah memainkan peranan penting untuk memastikan ilmu tentang alam sekitar, untuk alam sekitar dan melalui alam sekitar dapat diterjemahkan ke dalam intipati ilmu yang boleh diterima oleh murid terutamanya sekolah rendah. Hal ini menegaskan bahawa komponen afektif juga saling berkait dengan komponen kognitif supaya ilmu yang diperoleh dapat diterima dengan perasaan rela dan teruja. Apabila wujud perasaan sayang terhadap alam sekitar maka langkah seterusnya iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan dapat dilaksanakan tanpa paksaan.

3.0 KESIMPULAN

Daripada penilaian awal yang telah dibincangkan, jelas menunjukkan bahawa PAS merentas kurikulum di sekolah rendah khususnya masih perlu diteliti dan disemak semula agar program yang dirancang dan dilaksanakan mengikut kehendak semasa dan menepati objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, satu penilaian perlu dijalankan agar dapat mengenal pasti keberkesanannya pelaksanaannya di sekolah. Hasil daripada penilaian yang dijalankan diharapkan dapat memberi ruang dan peluang agar kepincangan yang wujud ditambah baik dengan segera. Melalui kajian yang telah dijalankan sebelum ini, didapati bahawa pengetahuan pentadbir di sekolah terhadap alam sekitar berada pada aras sederhana. Oleh itu, langkah segera perlu diadakan agar pengetahuan tersebut dapat ditingkatkan melalui pendedahan seperti kursus, seminar, taklimat dan sebagainya. Ini bagi membolehkan pemimpin tertinggi di sekolah rendah tersebut dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan guru dan murid dalam disiplin alam sekitar.

Selain itu, murid yang merupakan kumpulan sasaran pada peringkat umur ini perlu didedahkan dengan isi kandungan pelajaran atau silibus yang mengandungi perkara yang berkaitan dengan pengalaman hidup dan kehidupan sehari-hari mereka. Dengan kata lain, penggubalan kurikulum perlulah semaksimum yang boleh mengambil kira kehendak golongan ini mengikut keadaan semasa. Ini kerana minat seseorang individu dapat merangsang dan mempengaruhi tindakan supaya bertindak positif terhadap alam sekitar dalam membuat keputusan.

4.0 RUJUKAN

- Aini, M.S., Nor Azura, S. & Fakhru'l-Razi, A. (2011). Impact Of Environmental Education On Concern, Knowledge And Sustainable Behaviour Of Primary School Children. *Health and the Environmental Journal*, 2011, Vol. 2, No. 1. 50-53. <http://hej.kk.usm.my/pdf/HEJVol.2No.1/Article10.pdf> Capaian 5 Februari 2012,
- Amir Hasan. D. (2006). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Ed. 3. Quantum Books: Tanjung Malim.
- Ika Liana Khalid, Rosta Harun, Azizi Muda & Ismi Arif Ismail. (2011). Level of Knowledge on Environmental Issues and Environmental Education of Primary Schools' Headmasters in Kuala Lumpur, Malaysia. *World Applied Sciences Journal*. 14 (Exploring Pathway to Sustainable Living in Malaysia: Solving the Current Environmental Issues); 97-100, 2011. ISSN 1818-4952; IDOSI Publications, 2011. [http://www.idosi.org/wasj/wasj14\(UPM\)11/14.pdf](http://www.idosi.org/wasj/wasj14(UPM)11/14.pdf) Capaian 25 Januari 2012

- KPM. (1998). *Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum KBSM*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan.
- KPM. (2010). *Dokumen Standard Kebangsaan Prasekolah*. Putrajaya: BPK.
- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. (2002). *Dasar Alam Sekitar Negara*. Putrajaya: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- Kollmuss, A. & Agyeman, J. (2002). Mind The Gap: Why Do People Act Environmentally And What Are The Barriers To Pro-Environmental Behaviour? *Environmental EducationResearch*,8(3):239-260.
http://www.eric.ed.gov/ERICWebPortal/search/detailmini.jsp?_nfpb=true&_&ERICExtSearch_SearchValue_0=EJ652842&ERICExtSearch_SearchType_0=no&accno=EJ652842
- Mappin, M. & Johnson, E. (2005). *Environmental Education and Advocacy: Changing Perspectives of Ecology and Education*. Cambridge University Press. United Kingdom.
- Palmer, J. & Neal, P. (1994). *The Handbook of Environmental Education*. London and New York: Routledge. <http://www.questia.com/PM.qst?a=o&d=103382675>
- Sharifah Zarina Syed Zakaria & Lilia Halim. (2009). A Study On Malaysia Primary School Science Education: Foundation For Environmental Knowledge. *Medwell Journals. The Social Sciences* 4 (6): 604-609,2009. ISSN: 1818-5800
- Sharifah Zarina Syed Zakaria. (2011). Science Education In Primary School Toward Environmental Sustainability. *Research Journal of Applied Sciences* 6 (5): 330-334, 2011.ISSN:1815-932X.MedwellJournal.
<http://docsdrive.com/pdfs/medwelljournals/rjasci/2011/330-334.pdf> Capaian 23 Januari 2012
- Sumiani Yussof. (2003). The Need For Emphasis On Environmental Education For National Development In Malaysia. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Jilid 26. 75-82.
- UNDP (2005). *Draft International Implementation Scheme Decade of Sustainable Environment*, Paris, UNESCO.
<http://portal.unesco.org/education/en/ev.php>. Capaian 25 Januari 2012
- Working Group on Environmental Education. 2007. Shaping Our School Shaping Our Future: Environmental Education In Ontario School. *Report of the Working Group On Environmental Education. June 200*. Capaian 25 Disember 2011
www.edu.gov.on.ca/curriculumcouncil/shapingschool.pdf.